

## *Transformasi Teks dalam Pembelajaran Komponen Sastera*

**Siti Khadijah Mohammed Anis**

siti\_khadijah\_mohammed\_a@moe.edu.sg

**Yazid Hussein**

yazid\_hussein@moe.edu.sg

Maktab Rendah Pioneer

### *Abstrak*

Proses pengajaran dan pembelajaran komponen sastera dalam subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9558, dan H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9565 di peringkat prauniversiti sering dianggap bersifat mekanikal sehingga mencambahkan persepsi yang stereotaip bahawa subjek ini tidak seronok dipelajari dan membosankan para pelajar. Sehubungan itu guru menghadapi cabaran untuk merubah persepsi negatif ini dengan merealisasikan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Dalam hubungan ini teknik transformasi teks didapati dapat menyediakan pengalaman pembelajaran komponen sastera yang lebih berkesan, ceria dan menyeronokkan. Para pelajar diberi peluang untuk membentangkan tugas mereka dalam bentuk teks yang sudah dialihkan daripada bentuk asal. Teknik ini juga membantu meningkatkan prestasi dalam bentuk keupayaan respons, pemahaman, penganalisan, penghayatan, penilaian dan kritikan terhadap karya-karya sastera yang wajib dikaji.

Kata Kunci: transformasi teks, teknik, senario, komponen sastera.



## PENGENALAN

Subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9558, dan H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9565 di peringkat prauniversiti merupakan mata pelajaran yang bersifat elektif tetapi bertaraf prinsipal. Rata-rata terdapat dua jenis pelajar yang mengambil subjek ini. Jenis pertama merupakan pelajar yang mahu mendapatkan gred yang tertinggi dan terbaik, manakala jenis kedua merupakan pelajar yang akan berpuas hati jika lulus tanpa menghiraukan gred yang diraih. Subjek ini mengandungi dua buah komponen, iaitu komponen bahasa dan komponen sastera. Namun komponen sastera sering dianggap komponen yang membosankan dan membebankan oleh para pelajar. Komponen sastera pada peringkat ini meliputi pemahaman, penganalisisan, penghayatan, penilaian dan kritikan terhadap teks-teks sastera yang wajib dikaji seperti novel, cerpen, sajak dan drama.

Pelajar juga tidak menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam komponen ini. Ramai juga yang menggunakan bahan-bahan rujukan yang ada di pasaran dan di internet untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Sikap yang lewa dan ambil ringan ini diamalkan kerana para pelajar sedar bahawa guru akan menyediakan nota-nota analisis yang tuntas dan terperinci berkaitan dengan teks yang dibincangkan di akhir pengajarannya. Sehubungan itu pelajar beranggapan bahawa mereka tidak perlu bersusah payah memerah otak dan membazir masa bagi mendapatkan maklumat-maklumat daripada usaha membaca, meneroka, menggali, menganalisis, mengkaji, memahami, merenung dan menilai teks itu sendiri.

Sikap dan amalan ini jelas tidak membantu para pelajar dalam proses pembelajaran mereka kerana hasil penilaian terhadap esei-esei yang ditulis menampakkan pandangan dan respons yang tidak mendalam, tidak analitis, tidak tuntas dan tidak kritikal dengan penerangan, huraian dan sokongan yang dikemukakan bersifat cetek, sepintas lalu, longgar dan tidak memadai. Malah kemahiran menjawab soalan dan menyampaikan idea-idea tidak tersusun dan meyakinkan.



## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk:

1. mengenalkan pendekatan Transformasi Teks dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera Melayu; dan
2. menyokong pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk menyokong serta mengasah bakat transformasi, tafsiran dan interpretasi pelajar dalam pelbagai bentuk, cara, sifat, rupa atau keadaan.

## PERNYATAAN MASALAH

Satu hakikat yang terpaksa kita terima sebagai seorang guru yang mengajar komponen sastera Melayu di peringkat prauniversiti ialah kedudukan subjek ini dalam prioriti dan kedudukan keutamaan para pelajarnya. Sering dilihat subjek ini seakan-akan diketepi dan dipinggirkan. Sehubungan itu diambil secara lewa dan ringan walaupun kedudukannya dalam peperiksaan bertaraf prinsipal. Kesan langsung daripada sikap ini dilihat pada esei-esei jawapan yang dihasilkan oleh para pelajar. Rata-rata esei-esei jawapan ini menampilkan pandangan dan respons yang tidak mendalam, tidak meluas, tidak analitis, tidak menyeluruh, tidak tuntas dan tidak kritikal dengan penerangan, huraian dan sokongan yang dikemukakan bersifat cetek, sepintas lalu, rapuh, longgar dan tidak memadai.

Prestasi pelajar yang tidak memberangsang dan menggalakkan ini disebabkan ketidakupayaan mereka untuk mendalami pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, apresiasi, sintesis dan penilaian ke atas sesebuah karya sastera yang diuji, iaitu sama ada genre novel, cerpen, sajak mahupun drama. Hipotesis awal menunjukkan bahawa ketidakupayaan ini berpusat daripada sikap yang tidak mengendahkan arahan guru untuk membaca keseluruhan teks yang bakal dikaji atau hanya membaca sebahagian bahan atau bahagian sinopsis sahaja. Sehubungan itu pemahaman mereka terhadap karya yang dibincangkan itu amat sempit, cetek dan terhad. Mereka pada masa yang sama menggunakan kekuatan daya ingatan untuk memangkinkan proses pembelajaran dan keupayaan menjawab terhadap karya tersebut. Sehubungan itu menjejaskan mutu jawapan yang diberi. Bagi mengatasi masalah



ini, guru telah membimbing para pelajar mempraktikkan teknik transformasi teks terhadap karya-karya sastra yang terpilih.

## KAJIAN LEPAS

Deborah F. Carrington dan Chapman Hood Frazier (2011) dalam *Transforming Text: Finding the Poem Within* telah mengesyorkan penggunaan teknik transformasi teks. Teknik ini membenarkan pelajar mengamalkan proses transformasi terhadap karya sastra kerana teknik ini dikatakan dapat menggalakkan para pelajar untuk membaca karya dengan lebih teliti dan mengaitkannya dengan pengalaman dan perasaan sendiri. Teknik ini juga membolehkan pelajar membuat kaitan antara prosa dengan puisi melalui transformasi sebuah karya prosa seperti novel, cerpen dan drama kepada sajak. Dengan itu segala kesulitan dalam memahami sesebuah sajak akan dapat dileraikan. Transformasi teks juga menunjukkan bagaimana genre atau wacana sastra yang berbeza dapat menonjolkan persamaan yang wujud. Mengikut pengakuan Deborah F. Carrington dan Chapman Hood Frazier, melalui teknik transformasi teks pelajar akan memahami bagaimana genre yang berbeza dapat difahami melalui penggunaan kata kunci atau kosa kata yang sama atau berkaitan.

Tim Caudery (1998) dalam artikelnya yang bertajuk *“Increasing Students’ Awareness of Genre Through Text Transformation Exercises: An Old Classroom Activity Revisited”* menjelaskan tentang kelebihan yang boleh diraih pelajar apabila menggunakan teknik transformasi teks dalam proses pembelajaran subjek sastra. Menurutnya, walaupun transformasi teks memerlukan pelajar membayangkan diri dalam situasi karya supaya dapat menghasilkan teks yang berlainan namun ini pada masa yang sama dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap faktor-faktor yang menghasilkan karya dan bagaimana bahasa mencerminkan faktor-faktor ini. Terdapat kebenaran akan pandangannya ini terutama sekali apabila membicarakan karya-karya wajib peperiksaan yang dihasilkan sebelum tahun 2010, misalnya seperti novel Restu (1996), cerpen “Yang” (1976), “Si Malang Jalang” (1992), “Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti” (1996-1997) dan “Pertemuan” (1996-1997), sajak “Pendakian” (1974), “Api” (1976), “Begitulah Kata-Kata” (1978), “Betapapun Gerak Cepat Kehidupan akan Kususuri Landasan Ini”



(1994), “Dalang: Episod Tiga” (1998) dan “Pustakaku dalam Remang Senja” (2001), dan drama “Anjing untuk Diplomat” (1992). Rata-rata para pelajar tidak dapat membayangkan senario zaman tersebut kerana sama ada belum dilahirkan ataupun masih terlalu kecil untuk mengingatnya. Dengan itu merealisasikan saranan Tim Caudery, diharapkan setidak-tidaknya pelajar dapat memahami karya itu kemudian menguasai dan menjiwainya dengan lebih mendalam dan menyeluruh.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian kualitatif telah dipilih memandangkan tujuan utama kajian adalah untuk memantau sejauh mana para pelajar dapat menulis dan menjawab soalan-soalan esei yang dikemukakan dengan lebih baik, matang dan kukuh.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian merupakan kohort 2013-2014 yang terdiri daripada 10 orang pelajar telah mengambil Subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9558, manakala kohort 2015-2016 yang terdiri daripada 6 orang pelajar mengambil Subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9565. Perbezaan ini berlaku kerana perubahan pada sukatan pelajaran bagi subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu mulai pada tahun 2014. Kohort 2013-2014 merupakan kelompok yang terakhir yang mengambil subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9558, manakala kohort 2015-2016 mengambil silibus baharu subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9565 yang mula diperkenalkan pada tahun 2014. Kohort 2015-2016 akan mengambil peperiksaan H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9559 di peringkat nasional pada akhir tahun 2016. Mereka mengambil subjek ini sebagai subjek prinsipal. Terdapat perbezaan pada bahan-bahan sastera yang digunakan dan jumlah soalan yang perlu dijawab dalam masa yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan di bawah.



Jadual 1: Perbezaan Bahan-bahan Sastra Berdasarkan Kod Subjek

<b>KOD SUBJEK</b> H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9558	<b>KOD SUBJEK</b> H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9565
<p><b>Bahan:</b>  <b>Novel:</b>  <i>Restu</i> (Ismail Kassan)</p> <p><b>Cerpen:</b>                      "Paku Payung dan Limau Mandarin"                      "Mereka Tidak Mengerti"                      "Gajah Putih"                      "Seorang Gadis, Semangkuk Sayur Manis"                      "Detik yang Tergugat"                      "Sahabat"</p> <p><b>Sajak:</b>                      "Kebanjiran"                      "Di Luar Diri"                      "Diri"                      "Kebahagiaan Rumahtangga"                      "Membina Peribadi itu Harus Tegak pada Paksi Diri"                      "Selamat Tidur Pohon-Pohon Hijau"                      "Ibunda"                      "Insan Kerdil"                      "Burung-burung di Puncak Gunung"                      "Guruku"</p> <p><b>Drama:</b>                      "Bujur Lalu Melintang Patah"                      "Waktu Sesudah Itu"                      "Tikar Mengkuang Hamparan Bulu"</p>	<p><b>Bahan:</b>  <b>Novel:</b>  <i>Restu</i> (Ismail Kassan)</p> <p><b>Cerpen:</b>                      "Yang"                      "Si Malang Jalang"                      "Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti"                      "Pertemuan"                      "Jago"                      "Ruang"</p> <p><b>Sajak:</b>                      "Api"                      "Begitulah Kata-Kata"                      "Betapapun Gerak Cepat Kehidupan akan Kususuri Landasan ini"                      "Dalang Episod Tiga"                      "Pendakian"                      "Balada Merdeka"                      "Menjaring Mentari Hidupku"                      "Pustakaku dalam Remang Senja"                      "Tandatangan"                      "Anak Tetangga Kelantan Lane"</p> <p><b>Drama:</b>                      "Cahaya di Hujung Senja"                      "Titik Pertemuan"                      "Anjing untuk Diplomat"</p>
<p><b>Arahan Peperiksaan:</b>                      Jawab LIMA soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Soalan kelima boleh dipilih daripada mana-mana bahagian.</p>	<p><b>Arahan Peperiksaan:</b>                      Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.</p>
<p><b>Peruntukan Masa Peperiksaan: 3 jam</b></p>	<p><b>Peruntukan Masa Peperiksaan: 3 jam</b></p>

## Instrumen Kajian

Dalam merealisasikan pendekatan Transformasi Teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan kajian ini, beberapa buah instrumen kajian. Antaranya :



1. Borang soal selidik latar belakang, pengalaman dan persepsi pelajar subjek sastera Melayu.
2. Borang soal selidik pengalaman dan persepsi pelajar sebelum menggunakan teknik Transformasi teks dalam proses pembelajaran subjek sastera Melayu.
3. Borang soal selidik pengalaman dan persepsi pelajar selepas menggunakan teknik Transformasi teks dalam proses pembelajaran subjek sastera Melayu.
4. Kertas jawapan/ esei jawapan pelajar sebelum menggunakan teknik Transformasi Teks.
5. Kertas jawapan/ esei jawapan pelajar sesudah menggunakan teknik Transformasi Teks.
6. Penilaian jenis formatif dan sumatif.
7. Pakej dan borang arahan menggunakan teknik Transformasi Teks yang disediakan oleh guru.
8. Bahan-bahan teks sastera yang wajib.
9. Bahan dan hasil tugas Transformasi Teks yang dihasilkan oleh pelajar.
10. Lembaran/ nota panduan soalan-soalan perbincangan.

## Prosedur Kajian

Sepanjang mengimplementasikan teknik transformasi teks ini, terdapat tiga senario yang telah diamalkan oleh guru bagi mendapatkan kesan dan impak yang berbeza, iaitu:

1. Guru telah mengajar karya yang telah dianalisis dan memberi nota-nota kajian kepada para pelajar.
2. Guru belum mengajar bahan karya tetapi telah memberi nota-nota kajian kepada para pelajar.
3. Guru belum mengajar bahan karya dan tidak memberi nota-nota kajian kepada para pelajar.

**Senario 1** adalah apabila pelajar baru sahaja diperkenal kepada subjek sastera, sehubungan itu guru akan menjelaskan pelbagai genre sastera dan segala unsur sastera yang bersifat intrinsik dan ekstrinsik secara eksplisit dan terperinci terhadap karya sastera yang digunakan. Guru juga memberi



para pelajar nota analisis karya tersebut yang lengkap selepas pengajaran. Kemudian sebagai langkah pengukuhan, guru mengarah pelajar membuat tugas yang bersifat transformasi teks.

**Senario 2** adalah apabila pelajar diberi tugas bersifat transformasi teks terhadap sebuah karya sastera terpilih dengan menggunakan nota-nota analisis yang telah diberi oleh guru. Namun guru belum lagi mengajar karya tersebut. Nota-nota yang diberi adalah sebagai bahan rujukan dalam menyiapkan tugas transformasi teks mereka.

**Senario 3** merupakan peringkat yang mencabar bagi para pelajar kerana mereka diarahkan menyiapkan sebuah tugas yang bersifat transformasi teks terhadap sebuah karya sastera tanpa guru memberi mereka nota-nota analisis karya tersebut. Namun senario ini diimplementasikan apabila pelajar sudah memahami, mendalami dan menguasai ilmu sastera yang diperlukan bagi menganalisis dan mengupas sesebuah karya sastera. Senario ini juga menggalakkan proses pembelajaran secara *Collaborative Learning (CoL)*, *Independent Learning* dan *Self-Directed Learning (SDL)*. Mereka harus membuat analisis dan kupasan sendiri. Secara tidak langsung memberi mereka pengalaman dalam penyelidikan, penghayatan dan penyusunan idea-idea serta meningkatkan kemahiran transformasi, tafsiran dan interpretasi.

Proses yang dilakukan bagi menyiapkan dan menyudahkan tugas tetap sama. Dalam hal ini guru memberi arahan kepada para pelajar supaya membaca karya sastera yang bakal digunakan dalam pelajaran. Seperti yang dinyatakan karya sastera ini boleh berbentuk karya yang belum dibincangkan tetapi akan dibincangkan, ataupun karya yang sudah dibincangkan oleh guru di dalam kelas. Kemudian pelajar secara bersendirian ataupun berkumpulan akan membuat transformasi teks berdasarkan unsur-unsur sastera yang telah diberikan guru atau dipilih oleh pelajar itu sendiri. Guru juga menetapkan tarikh pembentangan dan penghantaran tugas transformasi teks. Hakikatnya, dalam proses penyiapan bahan yang sudah ditransformasikan, guru akan bertindak sebagai penasihat dan pakar rujuk kepada pelajar agar tugas mereka tidak menyeleweng mahupun salah.

Satu kelebihan yang menonjol tentang teknik transformasi teks ialah pembelajaran karya sastera menggunakan teknik transformasi teks akan





melibatkan proses pembacaan, di mana para pelajar ‘terpaksa’ membaca karya itu bagi mendapatkan maklumat dan fakta yang diingini. Dalam pembentangan kertas kajian ini, drama “Cahaya di Hujung Senja” atau “CdHS” oleh M. Safri A. Manaf yang termuat dalam buku *Begitulah Kata-Kata* (2013) telah digunakan sebagai sampel. Kajian menggunakan senario 2. Terdapat tiga kumpulan pelajar yang dibentuk bagi menyediakan tugas dengan setiap kumpulan diberi unsur sastera yang berbeza. Kumpulan 1 telah diamanahkan dengan unsur sinopsis drama, kumpulan 2 diberi tugas membongkar unsur konflik yang ada dalam drama, dan kumpulan 3 dipertanggungjawab mengupas unsur watak dan perwatakan. Memandangkan ini kerja berkumpulan, para pelajar harus bekerjasama dalam menyedia dan menyiapkan tugas ini.

Ketika membaca “CdHS”, para pelajar akan mula mencungkil maklumat dan fakta dianggap penting bagi menyelesaikan tugas transformasi teks mereka, seperti unsur watak, latar, isi, peristiwa, kejadian, momen, sebab dan akibat, konflik, nukilan dan sebagainya. Semua maklumat dan fakta ini akan disenaraikan mengikut susunan yang akan disesuaikan dalam *storyboard* mereka. Para pelajar telah bersetuju untuk merealisasikan teknik transformasi teks dalam dua, iaitu bentuk audio-visual dan tulisan. Dalam melakar dan menyiapkan tugas, pelajar digalakkan untuk menggunakan daya kreativiti, inovasi dan kritis bagi membina bahan mereka. Dalam hal ini, kumpulan 1 telah menggunakan teknik lukisan kartun menyampaikan sinopsis, kumpulan 2 menggunakan kreativiti mengedit dan mengarah, dan kumpulan 3 mengalih dalam bentuk sajak bermontaj.

Selain itu setiap kumpulan juga perlu menyiapkan soalan-soalan yang berkaitan dengan drama “CdHS” bersesuaian dengan tugas yang diberi. Pada tarikh yang ditetapkan, setiap kumpulan akan membuat pembentangan transformasi teks dan hasil dapatan analisis mereka tentang drama ini. Selesai pembentangan mereka, satu sesi soal-jawab dalam bentuk forum akan dijalankan. Pada masa yang sama para pembentang juga berpeluang mengajukan soalan kepada rakan-rakan mereka. Di akhir pembentangan juga, guru akan mengarahkan para pelajar menjawab soalan esei berkaitan dengan bahan yang disampaikan. Langkah ini dapat mengukuhkan lagi pemahaman dan penguasaan mereka terhadap drama “CdHS”.



Setelah lazim dengan teknik transformasi teks, para pelajar akan terlibat dalam kajian soal selidik peringkat 2 bagi menilai keberkesanan teknik transformasi teks terhadap proses pembelajaran mereka dalam subjek sastera. Data yang dikumpulkan dapat menentukan tindakan dan langkah seterusnya yang perlu diambil oleh Unit Bahasa Melayu Maktab Rendah Pioneer.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa teknik transformasi teks dapat dianggap berkesan dalam membantu pelajar dalam proses pembelajaran komponen sastera. Dalam proses pembelajaran, teknik ini didapati memberi ruang kepada para pelajar untuk memahami, menguasai, mendalami dan menghayati karya sastera yang dikaji secara kreatif, inovatif dan kritis.

Teknik ini secara langsung mengarah dan ‘memaksa’ tumpuan para pelajar terhadap proses pembelajaran mereka sendiri, iaitu kepada pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, apresiasi, implementasi, sintesis dan penilaian ke atas sesebuah karya sastera yang dikaji dan diuji. Teknik ini juga menggalakkan para pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajarannya sendiri sambil dapat menyemai rasa minat, menambahkan rasa ingin tahu, mengubah sikap, membina keupayaan, mengembangkan kreativiti, mengaplikasikan sikap inovatif, membina pemikiran yang kritis dan menyuntikkan kesabaran. Pada masa yang sama, teknik ini mampu memangkinkan kemampuan pelajar untuk meningkatkan prestasi sehingga mampu mendapatkan gred yang tertinggi dan terbaik dengan mencambahkan keupayaan mereka untuk mendalami dan menguasai pemahaman, penganalisan, penghayatan, penilaian dan kritikan terhadap karya-karya sastera yang dikaji seperti novel, cerpen, sajak dan drama.

Berdasarkan pelaksanaan teknik transformasi teks, para pelajar mendapati bahawa komponen sastera tidak membosankan kerana mereka diberi kebebasan untuk menggunakan apa sahaja bentuk teks yang telah dialihkan. Ini secara langsung mengatasi persepsi dan sikap negatif pelajar terhadap komponen sastera sebelum ini. Teknik transformasi teks juga dapat mengelakkan pelajar mengambil jalan pintas sama ada dengan tidak mengendahkan arahan guru untuk membaca keseluruhan teks yang bakal



dikaji atau hanya membaca sebahagian bahan atau bahagian sinopsis sahaja kerana dalam proses menyiapkan tugas, mereka wajib melalui proses membaca, meneroka, menggali, menganalisis, mengkaji, memahami, merenung dan menilai karya itu. Kemudian mencungkil dan menyusun segala maklumat dan fakta yang diperlukan dalam *storyboard* mereka.

Penilaian guru terhadap esei-esei yang ditulis setelah pelajar merealisasikan teknik transformasi teks dalam pembelajaran komponen sastera mendapati bahawa pandangan dan respons mereka agak mendalam, analitis, tuntas dan kritikal dengan penerangan, huraian dan sokongan yang dikemukakan bersifat menyeluruh, ketat, utuh dan memadai. Malah kemahiran menjawab soalan dan menyampaikan idea-idea nampak tersusun dan meyakinkan. Teknik ini juga telah mengayakan kemampuan membuat tafsiran dan interpretasi pelajar.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian soal selidik yang dijalankan selepas pelajar diperkenal kepada teknik transformasi teks mendapati bahawa 100% responden bersetuju bahawa mereka mampu menggunakan teknik ini dengan mudah dan selesa. Malah mengakui bahawa teknik ini mampu membantu mereka dalam proses pembelajaran bagi mendapatkan hasil yang diinginkan, iaitu gred yang terbaik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah ini.

**Jadual 2: Keputusan Peperiksaan G.C.E. Peringkat 'A' bagi Subjek H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu 9565 (Kohort 2013-2014)**

<b>Gred</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Peratusan (%)</b>
'A'	7	70%
'B'	1	10%
'C'	1	10%
'D'	1	10%
<b>Jumlah Lulus</b>	<b>10</b>	<b>100%</b>



## KESIMPULAN

Teknik transformasi teks merupakan satu kaedah yang mampu menarik minat pelajar untuk mencapai keupayaan dan kemahiran tertentu dalam pembelajaran komponen sastera di peringkat prauniversiti. Keberkesanan teknik ini bukan hanya dapat dilihat pada maklum balas yang positif dan memberangsangkan malah prestasi dalam bentuk keupayaan respons, pemahaman, penganalisan, penghayatan, penilaian dan kritikan terhadap karya-karya sastera yang wajib dikaji meningkat. Bukti peningkatan ini dapat dilihat pada esei-esei jawapan pelajar yang dinilai dan pemarkahan gred yang diraih oleh pelajar di akhir pengajian mereka di peringkat prauniversiti. Teknik ini secara tidak langsung membantu para pelajar memahami karya yang diajar dengan lebih mendalam dan baik. Malah mereka dapat memahami dan menghayati jalan cerita dengan menyeluruh. Pada masa yang sama pembelajaran berbentuk kolaboratif dan pembelajaran sendiri menjadikan suasana di dalam bilik darjah lebih ceria dan menyeronokkan kerana pelajar berpeluang membentangkan tugas mereka dalam bentuk teks yang sudah dialihkan daripada bentuk asal.

### Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian ini.

1. Lorena Ibrahim
2. Zainun Hashim



## RUJUKAN

- Ishak Ramly. (2003). *Teknik Mengajar Sastera*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1998). *Pengajaran Kesusasteraan*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Othman Puteh (penyelenggara). (2000). *Pengajaran Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sa'eda Buang (Editor). (2013). *Begitulah Kata-Kata*. Singapore: National Arts Council & Marshall Cavendish Education.
- Deborah F. Carrington & Chapman Hood Frazier. (2011). *Transforming Text: Finding the Poem Within*. JAEPL, Vol. 16, Winter 2010-2011. <http://trace.tennessee.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1189&context=jaepl>
- Tim Caudery. (1998). *Increasing Students' Awareness of Genre Through Text Transformation Exercises: An Old Classroom Activity Revisited*. September 1998 — Volume 3, Number 3. Denmark: University of Aarhus. <http://www.tesl-ej.org/wordpress/issues/volume3/ej11/ej11a2/>

